

15/09/2003

Kos tunai haji kini RM8,937

Jamaludin Husin

MUAR: Mulai tahun depan kos mengerjakan ibadah haji melalui Tabung Haji akan dikurangkan kepada RM8,937 bagi jemaah haji dari Semenanjung, RM9,054 bagi jemaah haji Sarawak dan RM9,096 bagi Sabah.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata kadar baru itu selaras dengan pengurangan lima peratus yang diumumkan pada Bajet 2004 Jumaat lalu.

Beliau berkata, berikutan itu, Tabung Haji terpaksa meningkatkan bantuan kebajikan jemaah haji lebih dua kali ganda daripada RM8 juta kepada RM20 juta setahun.

Katanya, kenaikan kos itu berdasarkan bantuan yang diberikan sebanyak RM400 bagi setiap jemaah membabitkan kira-kira 20,000 jemaah haji dari negara ini setiap tahun berjumlah RM8 juta.

Berikutan langkah kerajaan mengurangkan kos menunaikan haji tahun depan, Tabung Haji perlu menambah kepada RM872 bagi setiap jemaah menjadikan jumlahnya hampir RM20 juta setahun.

Beliau berkata, bantuan kebajikan itu diberikan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan perkhidmatan jemaah ketika mereka berada di Makkah dan Madinah.

"Kos yang dibelanjakan itu termasuk perkhidmatan pengangkutan dan makanan selain tempat penginapan, penyediaan makanan dan rawatan perubatan kepada jemaah yang menghidap penyakit.

"Setiap ringgit yang dibelanjakan Tabung Haji bertujuan menjamin kesejahteraan jemaah dan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan," katanya selepas merasmikan Seminar Penjelasan Islam dan Isu Semasa, di Tangkak, di sini, semalam.

Seminar anjuran bersama Biro Agama Pergerakan Wanita Umno Malaysia dan Wanita Umno Johor itu diadakan di Dewan Sri Ledang, Kolej Matrikulasi Johor, di Tangkak.

Beliau mengulas langkah menurunkan kos menunaikan haji sebanyak lima peratus sebagaimana diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen, Jumaat lalu.

Abdul Hamid berkata, berikutan pengurangan kos itu, Tabung Haji terpaksa menambah bantuan kebajikan yang diberikan kepada jemaah sebelum ini bagi menampung kos sebenar yang dibelanjakan bagi setiap jemaah yang menunaikan haji secara muassasah.

Beliau sekali lagi menegaskan Tabung Haji tidak mengambil untung satu sen pun daripada jemaah haji berikutan perkhidmatan yang diberikan, malah terpaksa menambah bantuan bagi menjaga kebajikan dan kepentingan jemaah.

Katanya, jemaah haji dari negara ini juga seharusnya berasa bertuah kerana Tabung Haji menyediakan tempat tinggal selesa berbanding jemaah negara lain ketika berada di Makkah dan Madinah.

"Ini kerana jemaah haji kita hanya tinggal pada kadar antara 600 hingga 800 meter saja sama ada ke Masjid Nabawi di Madinah dan Masjid Al Haram, di Makkah berbanding dua hingga tiga kilometer yang dialami jemaah dari negara lain.

"Langkah Tabung Haji menyediakan tempat tinggal berdekatan di kedua-ke dua masjid di Madinah dan Makkah bertujuan memastikan kesejahteraan jemaah haji dari negara ini beribadat dan dapat mengerjakan haji dengan sempurna," katanya.

Sehubungan itu, pihak yang menyuarakan rasa tidak puas hati dengan kos tambang menunaikan haji supaya merenung kembali perkhidmatan disediakan Tabung Haji dengan membuat perbandingan terhadap kemudahan diperolehi jemaah negara lain ketika menunaikan haji.